

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2016

Kesal Dr. Mahathir burukkan calon BN

UM-12/6/2016

SABAK BERNAM 11 Jun - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersekongkol dengan pembangkang dan memburuk-burukkan calon Barisan Nasional (BN) amat dikesali.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, selaku individu yang pernah berada dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN), tindakan Dr. Mahathir dilihat tidak menepati kepimpinannya sebelum ini yang mengajar ketaatan serta kecintaan kepada pemimpin dan parti.

"Kita (BN) sedih kerana beliau (Dr. Mahathir) adalah bekas Presiden UMNO, Pengerusi BN dan Perdana Menteri.

"Tapi beliau sanggup memburuk-burukkan calon BN dan berhasrat mengalahkan calon BN dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) khususnya di Parlimen Sungai Besar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pusat Media Kementerian Komunikasi dan Multimedia di sini hari ini.

Ahmad Zahid mengulas tindakan Dr. Mahathir bersama-sama Penasihat DAP, Lim Kit Siang dalam satu program di Sekinchan pagi ini yang mengumumkan sokongan kepada calon PAN, Azhar Ab. Shukur dalam PRK Parlimen Sungai Besar.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid menegaskan, tindakan Dr. Mahathir itu tidak akan mempengaruhi keputusan pengundi di Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Malah, beliau menyatakan,



Waktu Solat MBSB

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	5.40	7.03	1.16	4.42	7.25	8.40
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	5.42	7.04	1.21	4.47	7.33	8.49
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.36	6.59	1.10	4.36	7.18	8.34
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.36	6.59	1.07	4.32	7.13	8.28
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.11	6.34	12.42	4.08	6.48	8.03

Dr. Mahathir seperti sedang berada di persimpangan politik bagi mengukur sama ada dirinya masih ada pengaruh atau sebaliknya.

"Beliau cuba bakar kelambu, kita tidak mahu kelambu BN terbakar disebabkan beliau," jelasnya.

Beliau turut memberitahu, sikap Dr. Mahathir bersekongkol dengan pembangkang adalah disebabkan bekas Perdana Menteri itu telah tersalah dan tersasar jalan.

Ketika ditanya sama ada UMNO akan menerima semula Dr. Mahathir pada masa depan, Timbalan Perdana Menteri berkata, ahli dan kepimpinan UMNO sentiasa berfikiran terbuka mengenai perkara berkenaan.